



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN TRENDS IN
SOCIAL SCIENCES
(IJMTSS)
www.ijmtss.com



**KEBEBASAN DAN KAWALAN MEDIA DI MALAYSIA: KAJIAN
PERBANDINGAN MEDIA BARU DAN MEDIA TRADISIONAL**

MEDIA FREEDOM AND CONTROL IN MALAYSIA: A COMPARATIVE STUDY

Adibah Ismail^{1*}

¹ Department of Communication, School of Multimedia Technology and Communication, Universiti Utara Malaysia
Email: adibah@uum.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 26.08.2020
Revised date: 07.09.2020
Accepted date: 13.09.2020
Published date: 15.09.2020

To cite this document:

Adibah, I. (2020). Kebebasan Dan Kawalan Media Di Malaysia: Kajian Perbandingan Media Baru Dan Media Tradisional. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 3 (13), 24-38.

DOI: 10.35631/IJMTSS. 313003

Abstrak:

Kebebasan dan kawalan media adalah dua konsep yang berkait rapat dengan demokrasi di mana ia melibatkan pergelutan dan kerjasama antara media dan kerajaan. Walaupun Freedom House iaitu sebuah badan bukan kerajaan peringkat antarabangsa mengklasifikasikan beberapa negara di Eropah khususnya, sebagai negara yang mengamalkan kebebasan akhbar, hakikatnya, kebebasan akhbar yang mutlak tidak wujud. Negara-negara tersebut juga sebenarnya mempunyai mekanisme-mekanisme tertentu untuk mengawal akhbar mereka. Di Malaysia, kebebasan dan kawalan akhbar sering dipersoalkan kerana kerajaan dikatakan menggunakan pelbagai alasan untuk menyekat kebebasan media. Isu kebebasan akhbar dianggap kurang penting bagi negara sedang membangun seperti Malaysia kerana kerajaan mementingkan keharmonian masyarakat bagi membolehkan tumpuan diberi kepada memajukan negara. Bagaimanapun, kemajuan teknologi komunikasi masa kini menyebabkan kawalan kerajaan ke atas kebebasan media semakin longgar dan kompleks. Hal ini menyebabkan wujudnya kebimbangan tentang bagaimana kebebasan media ini boleh dikawal dalam era media baharu. Melalui kajian literatur sumber sekunder, artikel ini akan menilai semula unsur kawalan dalam Teori Penetapan Agenda yang dipelopori oleh McCombs & Shaw (1972) dan bagaimana kebebasan akhbar di Malaysia terkesan dengan kemajuan teknologi komunikasi. Artikel ini juga akan mencadangkan langkah-langkah yang sesuai untuk dilaksanakan oleh kerajaan dalam mengawal kebebasan media di era media baharu.

Kata Kunci:

Kebebasan Akhbar, Kawalan Media, Media Baharu, Media Tradisional

Abstract:

Media freedom and media control are two concepts closely related to democracy where it involves the struggle and cooperation between media and the government. Although Freedom House – an international body that classified a few countries in Europe as practicing press freedom, the truth is absolute press freedom does not exist. Those countries actually have their own control mechanism. In Malaysia, media freedom and media control are always questioned because the government was accused of using various reasons to control media freedom. The media freedom issue is considered as not important for a developing country like Malaysia because multiracial harmony is essential in order for the government to focus on the development. However, the advancement of technology has loosened the government's control and makes it more complex. This situation has raised concerns on how the media can be controlled in the era of new media. Through a literature review of secondary sources, this article is going to evaluate the control element in the Agenda Setting Theory proposed by McCombs and Shaw (1972) and how press freedom in Malaysia has been impacted by the advancement of communication technology. This article will also suggest a few solutions for the government to control the media in the era of new media.

Keywords:

Media Freedom, Media Control, New Media, Tradisional Media

Pendahuluan

Kebebasan akhbar adalah salah satu hak asasi manusia yang telah lama diperjuangkan terutamanya oleh UNESCO. Badan antarabangsa tersebut percaya bahawa kebebasan akhbar adalah tunggak dalam pembentukan demokrasi yang kuat, menggalakkan penyertaan masyarakat dalam menegakkan undang-undang dan menggalakkan pembangunan manusia dan juga demi keselamatan (Schmidt, 2007). Bagaimanapun, hampir semua negara di dunia mempunyai undang-undang yang menghadkan hak tersebut atas sebab-sebab seperti keselamatan, privasi dan keganasan.


Kebebasan media konvensional seperti akhbar dan televisyen telah dikawal sejak dahulu apabila kerajaan menyedari kuasa yang dimiliki media dalam mempengaruhi masyarakat untuk menyokong polisi dan agenda pembangunan. Pelbagai akta dan undang-undang telah diwujudkan bagi mengawal pengaruh media. Menurut pengamal media di Malaysia, terdapat 22 undang-undang yang diwujudkan untuk mengawal kebebasan media. Akta yang dilihat sangat berpengaruh ialah Akta Rahsia Rasmi (1972), Akta Hasutan (1948), Akta Fitnah (1957) dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (1984) (Adibah, Mohd. Khairie & Che Su, 2017). Selain undang-undang, media juga dikawal melalui hubungan yang rumit dengan kerajaan dan parti politik di Malaysia. Hal ini demikian kerana kebanyakan media di Malaysia dikuasai oleh parti politik sama ada melalui pemilikan atau pengaruh. Dalam suasana media yang sebegini, media Malaysia dilihat memberi penekanan kepada pembangunan sosio-ekonomi berbanding kebebasan akhbar. Wakil-wakil media tidak bertanyakan soalan-soalan yang kontroversi kepada pemimpin politik atas alasan menjaga keharmonian negara demi kejayaan agenda pembangunan (Mustafa Kamal, 2005, Loh, 2002.)

Bagaimanapun, situasi media tersebut mungkin benar ketika ia dibincangkan sekitar awal tahun 2000 sebelum internet mengambil alih peranan sebagai sumber media utama untuk masyarakat

mendapatkan maklumat. Kewujudan internet telah mengubah proses penyebaran maklumat, melebarkan capaian, membuka peluang untuk hubungan yang lebih meluas dan mewujudkan ruang baru untuk masyarakat berkomunikasi dan menyampaikan pandangan mereka terutamanya berkaitan isu-isu yang melibatkan kepentingan umum (Ramos, 2019). Situasi ini mewujudkan polemik baru dalam kebebasan akhbar apabila elemen kawalan oleh kerajaan kini semakin tidak relevan. Artikel ini adalah artikel konsep yang akan membincangkan bagaimana kehadiran internet telah mengubah landskap kebebasan media di Malaysia. Melalui kaedah kajian data sekunder yang diperolehi dari kajian-kajian lepas dan sumber sekunder seperti buku, jurnal, laporan penyelidikan dan kertas persidangan. Di samping itu, pengkaji juga mendapatkan maklumat dari media elektronik seperti laman sesawang, blog, portal berita dan lain-lain bagi mendapatkan maklumat tambahan. Selain itu, artikel ini juga akan membincangkan perbandingan unsur kawalan dalam Teori Penetapan Agenda oleh McCombs & Shaw (1972) dalam konteks media tradisional dan media baharu di Malaysia dan mencadangkan langkah-langkah yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan dalam mendepani cabaran ini.

Elemen Kawalan Dalam Teori Penetapan Agenda

Teori penetapan agenda yang diperkenalkan oleh McCombs dan Shaw pada tahun 1972 telah mengandaikan bahawa agenda media yang disampaikan melalui berita akan mempengaruhi agenda publik dan agenda polisi (rujuk Rajah 1). Teori ini menekankan tentang bagaimana media mengawal apa yang difikirkan oleh masyarakat dengan membuat andaian bahawa “media mungkin tidak begitu signifikan dalam mempengaruhi pemikiran masyarakat tetapi amat signifikan dalam memberitahu masyarakat tentang apa yang perlu difikirkan oleh mereka” (McCombs & Shaw, 1972, p.177). Dalam erti kata lain, media berperanan untuk memilih isu dan memaksa masyarakat untuk memberikan perhatian kepada isu tersebut. Ia mencadangkan apa yang patut difikirkan oleh masyarakat, apa yang masyarakat patut tahu, dan apa yang masyarakat patut rasa tentang isu tersebut.



Rajah 1: Teori Penetapan Agenda oleh McCombs dan Shaw (1972)

Peranan ini sangat penting kepada kerajaan untuk mempengaruhi masyarakat supaya menerima apa yang telah dirancang. Mereka akan memanipulasi sesuatu isu dengan menggunakan fungsi penetapan agenda ini demi memastikan mereka dapat bertahan sebagai kerajaan. Ahli-ahli politik juga sukakan liputan positif tentang mereka yang akhirnya akan memberikan impak positif terhadap sokongan masyarakat kepada mereka (Bennet et al., 2007, Entman, 2010, Sparrow, 1999, van Dalen, 2012). Dalam penyelidikan yang masyhur berkaitan Teori Penetapan Agenda ini, McCombs dan Shaw (1972) mendapati masyarakat di Chapel Hill meletakkan isu yang hampir sama dengan media, yang menunjukkan bahawa media telah berjaya menukarkan agenda media kepada agenda masyarakat.

Beberapa andaian asas berkaitan penetapan agenda hasil kajian tersebut (Weimann & Brosius, 2017) ialah:

1. Media menonjolkan beberapa isu, dengan yang demikian ia membentuk agenda audien dan kepentingan sesuatu isu;
2. Terdapat hubungan sebab-akibat antara agenda media dan agenda publik;
3. Masyarakat melihat berita berdasarkan petunjuk media untuk mengetahui apa yang penting (atau tidak penting);
4. Kerana kekangan masa dan ruang, media massa perlu memilih berita dan dengan berbuat demikian, mereka tidak menggambarkan realiti tetapi menapis dan membinanya semula;
5. Peranan utama dimainkan oleh pengampang media yang menentukan agenda media.
6. Media yang berbeza mempunyai potensi untuk menentukan agenda yang berbeza;

Dalam perspektif klasik teori ini, media massa dilihat sebagai sangat berkuasa mempengaruhi pemikiran masyarakat. Media bukan sekadar memperkenalkan masyarakat kepada isu tersebut tetapi juga mempengaruhi masyarakat tentang bagaimana mereka patut berfikir tentangnya. Sebilangan sarjana menggambarkan situasi ini sebagai tahap kedua penetapan agenda kerana tahap satu penetapan agenda hanya menjawab soalan “apa yang perlu difikirkan” tetapi tahap kedua menjawab soalan “bagaimana ia perlu difikirkan” (Balmas & Sheaffer, 2010). Tahap kedua penetapan agenda ini juga seringkali dikenali dengan konsep “pemingkiaan” (McCombs, Llamas, Lopez-Escobar & Rey, 1998). Adalah penting untuk pemerintah memanipulasi kuasa media ini untuk mempengaruhi masyarakat untuk menerima segala pelan pembangunan yang dirancang. Pemerintah juga biasanya menggunakan kelebihan media ini untuk mengukuhkan kedudukan dan sokongan masyarakat kepada mereka. Strategi kawalan ini penting kerana ia akan mempengaruhi kestabilan politik dan reaksi masyarakat terhadap keputusan-keputusan penting pemerintah (Bennet dll., 2007; Entman, 2010; Sparrow, 1999; van Dalen, 2012).

Alasan inilah yang menyebabkan pemimpin negara berusaha untuk mengawal media massa melalui pelbagai cara, sama ada secara terang-terangan atau sebaliknya. Apabila pemerintah menguasai media, mereka boleh menggunakan kuasa pemilikan tersebut untuk membuat keputusan terhadap liputan isu-isu penting dan menentukan penonjolan sesuatu isu. Pengampang seperti editor dan wartawan akan memainkan peranan ini bagi pihak organisasi. Mereka akan memberi arahan, memberhentikan berita-berita yang boleh menjejaskan reputasi pemerintah dan memperkenalkan undang-undang organisasi yang sentiasa memastikan imej pemilik media mereka terpelihara.

Walaubagaimanapun, sejak teori ini diperkenalkan, banyak penemuan baru dan penambahbaikan yang dibuat terhadap konsep penetapan agenda tersebut. Para sarjana berpendapat kesan penetapan agenda turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor lain. Sehingga kini, pada sarjana telah menemui empat dimensi lain penetapan agenda selain tahap satu dan dua. Kesemua dimensi ini juga dilihat menonjolkan faktor-faktor yang berbeza yang mempengaruhi penetapan agenda iaitu jenis agenda, ciri-ciri individu dan kumpulan, jenis media yang terlibat, dan isu yang dibangkitkan (Weimann dan Brosius, 2017). Selain perubahan dalam dimensi klasik yang meneliti media konvensional khususnya surat khabar, teori penetapan agenda juga berevolusi dengan perkembangan persekitaran media.

Unsur Kawalan Dalam Konteks Media Tradisional

Secara umumnya, kawalan media ialah cara membendung sesuatu maklumat secara sengaja oleh suatu pihak tertentu dalam apa juga kaedah, lazimnya oleh sesebuah kerajaan atau pemilik syarikat media. Kawalan media ditakrifkan sebagai kaedah yang digunakan secara sengaja untuk menyekat, menapis, membatalkan dan mengharamkan sebarang maklumat yang ingin disampaikan oleh suatu organisasi media kepada orang ramai (Wan Amizah, 2008). Bagaimanapun, Chomsky (2002) telah mengaitkan kawalan media dengan propaganda yang didalangi oleh pihak kerajaan memerintah. Menurutnya, kerajaan akan memastikan media dikawal sedemikian rupa hingga mempengaruhi pendapat, pemikiran dan persepsi rakyat agar sehaluan dengan prinsip dan tindakan mereka. Pihak media akan bersepakat agar menyiarkan berita dan pandangan sehaluan, dan fahaman demokratik liberal ini tidak ubah seperti teori Marxisme-Leninisme. Keadaan itu menyebabkan media sangat ketara dikawal oleh suatu pihak tertentu, lazimnya oleh kerajaan, dan khalayak media iaitu rakyat tidak mempunyai pilihan menentukan bentuk maklumat yang diterima. (Mahmud & Pitchan, 2017).

Pekerja-pekerja media turut diancam oleh pelbagai peraturan yang mengawal kebebasan kerja mereka iaitu para wartawan boleh didakwa di bawah Akta Hasutan, 1948 atau Akta Fitnah; mahupun ditahan di bawah Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA) yang membenarkan penahanan tanpa caj dan perbicaraan atas sebab menghasut ketidaktenteraman awam (Lee, 2014). Malahan, kajian Hassan (2019) mengatakan output berita yang bertindak sebagai agen penstabilan dan pembangunan kebangsaan berkait rapat dengan kawalan dan pemilikan terhadap televisyen di Malaysia. Ini menunjukkan aspek kawalan terhadap media tradisional banyak dibincangkan oleh pelbagai sarjana bagi menunjukkan media massa di Malaysia memang dikawal oleh beberapa undang-undang dan akta yang digubal oleh kerajaan bagi menyekat kebebasan media.

Bagaimanapun, kawalan media boleh berubah akibat (1) perkembangan teknologi yang semakin canggih, (2) perubahan masyarakat yang semakin heterogen mengakibatkan pemusatan kawalan media semakin sukar dibendung dan ini kurang produktif dari segi ekonomi, dan (3) cita rasa penonton / khalayak yang semakin canggih berikutan peningkatan taraf hidup dan pendidikan. (Mahmud & Pitchan, 2017).

Persekitaran Media Era Baharu

Media di era digital kini tidak lagi sama dengan media konvensional dalam pelbagai sudut. Paling utama ialah ciri-ciri media itu sendiri yang kini bersifat lebih interaktif. Sehingga April 2020, dilaporkan 4.57 billion penduduk dunia yang menggunakan internet, iaitu hampir mencapai 60 peratus daripada jumlah populasi dunia. Dari jumlah tersebut, 84 peratus menggunakan media sosial (Kemp, 2020). Di Malaysia pula, Suruhanjaya Komunikasi dan

Multimedia (SKMM) melaporkan peningkatan dalam penggunaan digital media pada 2018 (SKMM, 2020). Terdapat seramai 28.7 juta pengguna internet di Malaysia pada tahun 2018 dan 61.8 peratus daripada jumlah tersebut menggunakan internet untuk berkongsi maklumat. Perkongsian berita juga mencatatkan jumlah yang tinggi iaitu sebanyak 63.9%. Sebanyak 32.1 peratus pengguna juga menggunakan aplikasi media digital untuk berkongsi berita berkaitan politik. Data tersebut juga mencatatkan media sosial sebagai media utama yang digunakan untuk berkongsi maklumat (73.8%) diikuti mesej kumpulan (70.6%). Perubahan dalam pola penggunaan media massa daripada media konvensional kepada media digital terutamanya media sosial telah menyebabkan masyarakat kurang bergantung kepada media konvensional seperti akhbar, radio dan televisyen. Internet terutamanya media sosial kini menjadi sumber utama untuk masyarakat mendapatkan berita (Weiman & Brosius, 2017).

Bagaimanapun, kajian turut mendapati bahawa media konvensional juga telah berevolusi kepada platform media digital dengan wujudnya pelbagai portal berita yang menyiarkan duplikasi berita dari media konvensional, berkongsi pautan kepada media sosial dan berinteraksi dengan pembaca mereka. Kemunculan platform digital ini telah mengubah persekitaran media dan mencabar andaian asas Teori Penetapan Agenda yang diutarakan oleh McCombs dan Shaw. McCombs sendiri mengakui bahawa internet kini adalah bidang baru untuk melakukan kajian (McCombs & Valenzuela, 2007). Telah banyak kajian yang dibuat berkaitan impak teknologi terhadap penggunaan media massa. Bagaimanapun, masih kurang kajian yang memfokus kepada kawalan media oleh pemerintah dan peranan penetapan agenda yang sebelum ini dilaksanakan oleh media baru di negara ini.

Peralihan Kuasa Kawalan Terhadap Media

Kehadiran internet yang kini mengambil alih peranan media konvensional sebagai medium utama penyebaran maklumat kepada masyarakat telah mengubah landskap media. Ia bukan sahaja memberikan maklumat yang tiada batasan, tetapi juga mempelbagaikan pilihan maklumat kepada masyarakat (Ramos, 2019). Menurut Howard dan Hussein (2013), kehadiran internet juga telah merevolusikan media digital dalam tiga dimensi iaitu struktur maklumat yang baharu, jenis kandungan baharu dan kategori pengguna yang baharu. Masyarakat tidak lagi terikat dengan hanya maklumat yang diterima melalui media utama. Capaian internet menyebabkan masyarakat bebas memilih sumber maklumat, mendapat maklumat dengan kadar yang sangat pantas dari serata dunia, juga dengan harga yang lebih murah berbanding media konvensional. Hal ini menyebabkan unsur kawalan media oleh kerajaan seakan-akan tidak relevan apabila mekanisme-mekanisme kawalan yang wujud tidak sesuai untuk mengawal aliran maklumat di internet (Howard & Hussain, 2013). Ia menjadikan isu ini hangat di kalangan para sarjana dalam mencari penyelesaian tentang strategi baru yang sesuai dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengawal kebebasan masyarakat mendapatkan maklumat apabila internet kini menjadi ruang awam yang mendapat sambutan menggantikan media utama (Ramos, 2019).

Selain ekosistem media yang berubah, nilai maklumat juga turut berubah. Semasa era media tradisional, maklumat adalah satu komoditi di mana media mempunyai kuasa untuk mengawal penyebarannya. Bagaimanapun, di era media digital, kecepatan maklumat sampai kepada audiens menjadi komoditi yang sangat bernilai. Internet telah merealisasikan perkampungan global yang diusulkan oleh Marshall McLuhan pada 1962 apabila teknologi komunikasi kini mampu menghubungkan masyarakat dalam ruang siber yang tidak terbatas dan maklumat bergerak pada kadar yang sangat cepat.

Sifat media digital yang dilahirkan oleh internet telah membolehkan sesiapa sahaja menerbitkan apa sahaja. Ia telah menjadi satu ancaman bukan sahaja dari segi politik dan ekonomi tetapi juga dari segi keselamatan negara. Ia telah menjadi kebimbangan utama kerajaan apabila bukan sahaja tentera siber yang mendedahkan segala “berita” tanpa tapisan, tetapi juga portal-portal berita masyarakat yang mempunyai ratusan ribu pengikut. Portal-portal berita ini dikendalikan oleh wartawan profesional dan tidak profesional yang dikenali sebagai wartawan sosial (*social journalist*) (Sussman, 2014). Portal-portal inilah yang telah berjaya menarik begitu ramai pengikut sehingga mereka beralih arah daripada media arus perdana.

Perlunya Kawalan Terhadap Media Baharu dan Media Sosial

Perubahan kuasa kawalan terhadap media lebih terkesan apabila munculnya media baharu dan media sosial. Ini kerana kemajuan teknologi maklumat menambah keupayaan manusia untuk berhubung dan bertindak berdasarkan maklumat terkini. Masyarakat bermaklumat merupakan ciptaan teknologi yang mendesak manusia menjadi lebih peka dan efisien. Teknologi maklumat yang canggih membolehkan rangkaian pemikiran masyarakat berkongsi pandangan dan citarasa yang hampir sama (Talib, Shiratuddin, Hassan, Rahman, & Rahman, 2018). Oleh yang demikian, media baru dan media sosial juga dilihat sebagai media yang perlu dikawal walaupun sifat media ini berbeza daripada media tradisional (Wan Amizah, 2008).

Secara umumnya, Malaysia telah mengenalpasti kepentingan media sebagai alat untuk menyatupadukan rakyatnya yang terdiri daripada kumpulan-kumpulan etnik, agama, bahasa dan cara hidup yang berbeza (Lee, 2014). Bagaimanapun, pendemokrasian media memberi cabaran baru dalam pelbagai bentuk seperti masalah pengganas, cetak rompak, ideologi subversif serta masalah etika media. Pendemokrasian media adalah sesuatu yang tidak boleh dielak. Semua pihak termasuk kerajaan, organisasi politik dan korporat perlu mempunyai strategi mengadaptasi perubahan yang dibawa oleh media baharu demi menjamin keselamatan diri, keluarga dan negara dalam era digital hari ini (Hasan, 2019). Dalam era digital ini, organisasi media sudah mula menyesuaikan diri dengan peningkatan penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat. Hari ini, pelbagai rangkaian media sosial seperti Facebook, Twitter, dan YouTube juga telah menjadi sumber berita utama (Thelwall 2008; Lee & Ma 2012).

Perkembangan ini mendesak perubahan terhadap kaedah kawalan ke atas media selaras perkembangan teknologi yang begitu pantas dalam industri media negara ini dan seluruh dunia. Pelbagai andaian dibuat mengenai arah tuju kawalan media selepas Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, memperkenalkan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) dan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998 (ASKM 1998) bagi mengawal media baru dan media sosial. AKM 1998 telah menggariskan beberapa peraturan yang menghadkan penggunaan media baharu dan media sosial kepada pengguna era media digital. Sebagai contohnya, kod kandungan AKM 1998 (Seksyen 213) telah melarang penyampaian isi kandungan yang tidak bersesuaian, yakni kandungan-kandungan yang boleh menyinggung perasaan (*offensive*) dan boleh dibantah (*objectionable*) dalam konteks nilai sosial negara ini. Ia seakan-akan membawa kebaikan kepada penerima maklumat kerana boleh mengelakkan penerimaan maklumat yang tidak sesuai. Namun akta sedemikian adalah terdedah kepada penyalahgunaan lalu menyebabkan “penapisan” isi kandungan yang dilihat tidak mendatangkan faedah berdasarkan penilaian pihak berkuasa (Lee, 2014). Ini

menunjukkan AKM 1998 dan ASKM 1998 masih terdedah kepada penyalahgunaan oleh pihak tertentu dalam negara ini menyebabkan berlakunya gejala baru dalam masyarakat seperti berita palsu. Gejala berita palsu berkembang disebabkan teknologi digital. Lebih membimbangkan media sosial telah berubah menjadi 'sarang' penyebaran pembohongan dan khabar angin. Penyediaan kandungan yang salah juga telah menimbulkan kekeliruan dan salah faham dalam kalangan masyarakat.

Kemunculan Wartawan Sosial

Kemajuan teknologi komunikasi telah menyebabkan sumber maklumat kewartawanan boleh diperolehi oleh orang kebanyakan dan platform seperti YouTube, Twitter, Facebook, dan blog kini menjadi media arus perdana yang digunakan oleh pengguna internet. Ia telah mencipta ruang kebebasan individu untuk melapor dan berkongsi maklumat kepada masyarakat global lantas mewujudkan kelompok baru yang dikenali sebagai wartawan sosial. Revolusi teknologi juga telah menyebabkan norma dan praktik profesion kewartawanan dikatakan sedang dalam peralihan, yang mencerminkan pengembangan jaringan sosial dan mikroblog yang pesat. Walaupun media sosial memang merupakan sebahagian daripada kehidupan seharian bagi wartawan, tidak banyak yang diketahui mengenai seberapa luas penggunaan media sosial secara profesional (Hedman & Djerf-Pierre, 2013). Revolusi teknologi ini juga membuka ruang untuk membahas pertanyaan mengenai siapa "wartawan sosial" itu sebenarnya dan seberapa luas penggunaan media sosial di antara kumpulan wartawan di negara ini.

Portal berita dalam talian juga semakin popular, antaranya Malaysiakini, Malaysian Insider, Merdeka Review, Free Malaysia Today, The Nut Graph dan blog Malaysia Chronicle. Semua portal berita ini terus memberi ruang untuk penulis membuat komentar dan analisis, termasuk analisis yang kritikal terhadap dasar kerajaan. Ketika portal berita memberi ruang untuk wartawan dan penulis, kerajaan tetap berusaha mengawal pemilikan media dalam talian, khususnya melalui peruntukan pada Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Hasutan 1948, Perlembagaan Persekutuan dan beberapa akta lain.

Kesukaran Mengawal Wartawan Sosial

Malaysia di tempat ke-10 yang mempunyai penyambungan internet terpanjang di seluruh Asia Pasifik pada tahun 2017. Malahan, Freedom House melaporkan dalam laporan tahunan menyatakan mereka mengesan jumlah aktiviti digital yang tinggi dan ketara di Malaysia (Daud, 2016; Hoong, 2014). Bagaimanapun, umum mengetahui, kawalan terhadap penggunaan internet bukan sesuatu yang mudah terutamanya untuk mengatasi masalah ketagihan media sosial dalam sebuah negara yang mengamalkan kebebasan internet. Kajian Muhamad Adnan (2013) mendapati antara cabaran utama yang dihadapi oleh pihak kerajaan Malaysia untuk mengawal internet adalah (1) domain dan web hosting sesuatu laman sesawang didaftarkan di luar negara; (2) sukar untuk mengesan atau mengenal pasti suspek; (3) pendaftaran maklumat palsu; (4) perkembangan teknologi yang sangat pantas; dan (5) sukar mengadakan pemantauan (Mahmud & Pitchan, 2017).

Wartawan sosial telah mengambil kesempatan terhadap kesukaran kerajaan untuk mengawal internet dan media sosial apabila trend media sosial lebih tertumpu kepada peningkatan fokus pada interaksi khalayak untuk mendapat perhatian dan keuntungan. Media sosial juga dilihat telah mempengaruhi norma profesional dan ketelusan di kalangan wartawan. Ia menjadi satu norma baru dalam kewartawanan, yang mempromosikan akauntabiliti dalam penghasilan berita apabila kerajaan tidak mampu mengawal kebebasan mereka di platform media baharu.

(Newton, Hodges, Keith, 2004). Wartawan sosial mula melihat dirinya sebagai seseorang yang mengkritik ketidakadilan sosial, memberikan pengalaman baru kepada penonton, bertindak sebagai pengulas mengenai apa yang sedang berlaku dalam masyarakat, penyampai yang neutral terhadap apa yang berlaku dalam masyarakat, cerminan (penyampai) pendapat umum, mempersoalkan pihak berkuasa, dan menerangkan masalah yang kompleks kepada penonton (Hedman & Djerf-Pierre, 2013). Trend itu semakin berkembang di negara ini kerana maklumat wartawan sosial semakin mendapat perhatian masyarakat berikutan mereka sudah menjadi sumber utama maklumat selepas berlakunya revolusi media serta perkembangan media konvergen.

Langkah-Langkah Mengawal Kebebasan Media Baharu dan Media Sosial

Menyedari kelemahan elemen kawalan seperti yang dicadangkan dalam Teori Penetapan Agenda dalam persekitaran media baharu, artikel ini akan mencadangkan langkah-langkah yang sesuai untuk dilaksanakan oleh kerajaan dalam mengawal kebebasan media di era ini terutamanya dengan kemunculan wartawan sosial. Langkah ini penting kerana perubahan teknologi media begitu pantas. Menurut Schwab (2017), revolusi industri 4.0 telah memberi impak yang besar kepada tingkah laku, system pengeluaran dan kepenggunaan dan mewujudkan pelbagai mekanisme baru untuk kelestarian dunia dan kehidupan. Contohnya kemajuan teknologi telefon pintar telah mewujudkan kebergantungan manusia kepada teknologi tersebut. Memandangkan ia menghubungkan manusia dengan sumber maklumat, teknologi telefon pintar menyebabkan semua keputusan individu ibarat berada di hujung jari. Bagi mengawal kebebasan yang tidak terbatas ini, beberapa langkah perlu diambil supaya unsur kawalan dapat diwujudkan seiring perkembangan media baharu dan media sosial. Antaranya adalah mewujudkan garis panduan untuk pengamal media sosial terutama wartawan sosial, memperbanyakkan latihan kepada wartawan sosial sama ada professional atau separuh professional serta memperkemaskan etika wartawan sosial dan memperkenalkan model wartawan sosial sebagai panduan kepada wartawan, masyarakat mahupun kerajaan.

Wujud Garis Panduan Kawalan Media Sosial

Penggunaan media sosial telah diinstitusikan di bilik berita. Sebagai contoh, editor dan wartawan mempunyai peraturan yang tidak bertulis berkaitan penggunaan media sosial dalam bilik berita (Tandoc & Vos, 2016). Ini bermakna sudah sampai masanya, garis panduan formal untuk mengawal penggunaan media sosial dirangka kerana terdapat banyak kebaikan berbanding keburukan jika kerajaan mampu menguruskan wartawan sosial ini dengan baik. Ini seperti yang dinyatakan oleh Muhamad Adnan dalam kajiannya yang mendapati terdapat empat kebaikan utama dengan mengadakan kawalan dalam internet atau dalam konteks ini media sosial iaitu (1) membangunkan industri hiburan, (2) mengawal isu-isu fitnah atau perkara yang tidak betul, (3) melahirkan generasi yang berakhlak mulia serta (4) dapat memperkasakan undang-undang negara (Mahmud & Pitchan, 2017).

Memperbanyakkan Latihan Berterusan Kepada Wartawan Sosial

Wartawan kini bertanggungjawab mengumpul, memproses, menyelidik, melapor, menganalisis dan menyiarkan berita dan maklumat dengan menggunakan pelbagai peralatan teknologi maklumat melalui kemudahan Internet. Kemajuan teknologi komunikasi telah membolehkan tanggungjawab ini diagihkan sama rata dalam kalangan pengguna dan wartawan, dan mereka adalah pelengkap antara satu sama lain. Penghasilan berita telah menjadi satu proses interaktif yang melibatkan nilai-nilai, etika, pendapat dan pilihan moral dalam kalangan wartawan dan penglibatan pengguna sebagai wartawan sosial atau penyaring.

Kedua itu menyebabkan kesemua wartawan termasuk wartawan sosial yang kebanyakannya adalah pengguna memerlukan latihan bagi memahami dan memenuhi tanggungjawab masing-masing.

Sebelum ini, *Malaysiakini*, sebuah portal berita di Malaysia telah mengorak langkah untuk melahirkan wartawan warga yang dapat memberikan maklumat yang mereka gemari kepada masyarakat pembaca dengan mengadakan kursus kewartawanan warga. Idea di sebalik kursus ini adalah untuk melengkapkan peserta, tanpa mengira latar belakang, dengan kemahiran kewartawanan dan membaiki penulisan mereka serta mengasah kemahiran baharu seperti penggunaan video untuk bercerita, dan mengendalikan kamera untuk merakamkan gambar. Objektif asas adalah untuk mewujudkan wartawan warga yang baik, bertanggungjawab, beretika dan tidak berat sebelah. Mereka juga diperkenalkan kepada dunia kewartawanan, etika yang akan membimbing mereka dan ciri-ciri baru yang akan membezakan mereka daripada wartawan media tradisional (Balaraman, Ibrahim, Arokiasamy, & Mukhiar, 2016).

Keperluan latihan itu bukan sahaja tertakluk kepada wartawan warga semata-mata tetapi ia membabitkan wartawan sosial yang mempunyai pelbagai latar belakang pendidikan, agama dan bangsa. Ini kerana wartawan sosial lahir daripada platform media sosial yang terus berkembang pesat. Malahan, kewujudan mereka sebagai wartawan sosial juga tidak jelas pada pandangan masyarakat dan kerajaan. Oleh itu, latihan amat diperlukan bagi mengiktiraf dan memantapkan kelompok wartawan sosial ini.

Memperkemas Etika Kewartawanan Media Sosial

Sa'adiah (2015) mendapati Facebook merupakan laman sosial yang paling popular digunakan kerana ia menjadi pilihan utama responden iaitu sebanyak 53.9%, Instagram pula merupakan laman sosial kedua yang menjadi pilihan responden iaitu sebanyak 30.0% dan diikuti dengan Twitter sebanyak 15.6% (Mahmud & Pitchan, 2017). Data itu menunjukkan usaha memperkemas etika kewartawanan media sosial perlu dilakukan segera bagi mengelak jurang kemaslahatan sosial yang lebih tinggi. Usaha itu amat diperlukan oleh negara walaupun Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah merangka Kod Kandungan yang mengandungi piawai dan amalan bagi industri komunikasi dan multimedia. Bagaimanapun keberkesanan kod kandungan tersebut yang disediakan oleh Badan Industri Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia masih menjadi persoalan.

Kod kandungan ini mengandungi garis panduan dalam penyediaan kandungan dan menggariskan tatacara kawalan sendiri yang boleh menghasilkan wadah bagi melahirkan kreativiti, inovasi dan pembangunan sihat industri yang sering berubah. Walau bagaimanapun, pematuhan kod ini adalah secara sukarela. Media sosial dan internet sering digunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab sebagai tempat meluahkan rasa tidak puas hati mereka, yang dikatakan sebagai ruang untuk mereka menyuarakan pendapat. Pandangan dan komen yang pasti sama sekali tidak dibenarkan diterbitkan pada media cetak tetapi kini boleh diterbitkan secara dalam talian. Komen dan pendapat mereka pula semakin berani dan liar berikutan kesukaran pihak luar mengenal identiti penulis. Penggunaan nama samaran dan menggodam laman web orang sudah menjadi kelaziman kini. Kajian Noor Ismawati Jaafar dan Mohd Yahya Mohamed Ariffin mendapati motivasi utama pengguna media baharu untuk terus berkomunikasi di laman sosial ialah kesekataan, kurang persempadanan dan penjimatan masa. (Mahmud & Pitchan, 2017).

Memperkenalkan Model Wartawan Sosial Sebagai Panduan

Dalam memperkenalkan model ini, proses pemerksaan atau *empowerment* dilakukan secara berperingkat-peringkat iaitu pendekatan praktikal, aplikasi, proses tindakan sosial, hasil yang terhasil daripada individu atau kolektif. Pemerksaan dalam kata lain merujuk individu, masyarakat, organisasi, dan komuniti yang mempunyai kuasa untuk merubah kehidupan ke arah yang lebih berkualiti, adil, saksama dan harmonis.

Model Wartawan Sosial memperksa penglibatan wartawan dalam empat dimensi utama dalam memperihalkan usaha memperksa ini, beberapa kebaikan hasil daripada integrasi model dan dimensi ini boleh diketengahkan seperti yang berikut: a) Aktiviti pemerksaan menekankan aspek pembinaan jatidiri individu wartawan dan dapat membantu meningkatkan kesedaran serta kecekapan diri. Di samping itu, turut membina nilai-nilai diri yang positif, kemahiran berinteraksi, keyakinan hubungan interpersonal, memahami operasi organisasi, dan menghargai makna kehidupan. b) Projek atau program pemerksaan juga memberi ruang dan peluang kepada golongan wartawan berkongsi maklumat dan memeriksa sumber bersama wartawan lain untuk menjayakan penyebaran maklumat. Mereka juga boleh belajar untuk saling bekerjasama, membina kepercayaan, saling mengenal pasti kelebihan dan kekurangan diri, menghargai nilai persahabatan dan kolaborasi yang dilakukan dengan lebih efisien dan efektif. c) Penglibatan bersama masyarakat meningkatkan rasa tanggungjawab sebelum menulis maklumat bagi disampaikan kepada masyarakat. Ia adalah integrasi sosial yang lestari untuk meningkatkan rasa tanggungjawab. d) Kapasiti dan peluang yang disediakan dalam model pemerksaan ini juga meletakkan golongan wartawan sebagai tonggak mempromosikan kemahiran diri dengan pemberian akses, penglibatan dan kuasa setara kepada mereka untuk menggembelngkan idea dan tenaga memberi maklumat kepada masyarakat.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kawalan terhadap media tradisional kerap berlaku sejak negara mencapai kemerdekaan lagi dengan pelbagai undang-undang dan akta termasuk Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA). Kemunculan media baharu menyebabkan kerajaan memperkenalkan AKM 1998 dan ASKM 1998 bagi mengawal media. Penggubalan akta itu juga ada kelemahannya apabila wujud penyalahgunaan oleh pihak tertentu. Kini trend terbaru wartawan sosial yang lahir daripada media sosial terus berkembang dan memberi kesan kepada kestabilan negara dan demokrasi. Berita palsu semakin menjadi-jadi apabila pelbagai aplikasi media sosial mudah didapati dan dimiliki oleh semua rakyat tanpa mengira umur dan latar belakang pendidikan.

Fenomena baharu ini telah membinasakan struktur penghasilan berita tradisional yang antara lain melibatkan pengampang, sekatan-sekatan berkaitan kebebasan akhbar, etika dan juga undang-undang yang mengawal media (Lewis, 2012). Teori Penetapan Agenda yang menekankan unsur kawalan ke atas agenda media kini tidak lagi relevan kerana tiada lagi sekatan dan kawalan yang dapat digunakan terhadap bahan-bahan yang diterbitkan secara atas talian. Ruang siber menjadi platform mudah untuk menyebarkan berita-berita palsu dan maklumat-maklumat terlarang yang boleh menggugat keselamatan dan keharmonian negara.

Ancaman ini kurang dirasai semasa zaman media tradisional kerana kerajaan mampu mengawal media. Siebert dan rakan-rakan (1963) dalam Empat Teori Akhbar menerangkan bahawa kerajaan mewujudkan kawalan dari segi politik, ekonomi dan undang-undang. Kawalan dari segi politik dan ekonomi adalah paling berkesan kerana media tradisional sangat

bergantung kepada kerajaan sebagai sumber kewangan. Apabila kerajaan menjadi pemilik media, mereka bebas menggunakan pengaruh mereka untuk menetapkan agenda dan kandungan media. Wartawan yang bekerja untuk institusi media juga terikat dengan polisi syarikat, rutin professional, budaya dan etika kewartawanan (Shoemaker 1991; Reese dan Ballinger 2001).

Menurut Graber (2015), keadaan inilah yang telah mewujudkan penapisan kandungan oleh organisasi dan penapisan sendiri oleh wartawan. Pengampang akan menentukan apa yang perlu diketahui oleh masyarakat, bila dan bagaimana maklumat tersebut patut disebarkan. Malangnya, kawalan seperti ini sukar dikenakan kepada pengamal media baharu kerana mereka bergerak secara bebas menggunakan platform digital yang bebas dari kawalan politik dan ekonomi. Mereka tidak lagi bergerak di dalam sebuah institusi rasmi media tetapi lebih banyak yang bergerak secara individu atau kumpulan-kumpulan kecil. Kewujudan mereka telah mengubah struktur tradisional penghasilan berita dan mampu mengancam keselamatan negara apabila mereka menerbitkan berita tanpa etika dan tanggungjawab demi mengejar keuntungan (Hermida, 2012). Keadaan inilah yang memaksa para sarjana untuk menilai semula budaya, nilai dan praktis kewartawanan dalam mencari solusi untuk mewujudkan mekanisme kawalan yang berkesan terhadap media baharu.

Terdapat sekumpulan sarjana yang mengakui bahawa Teori Penetapan Agenda kini tidak mampu lagi menjadi mekanisme kawalan kepada media baharu dengan hilangnya fungsi kawalan dan penetapan agenda oleh pihak media. Kuasa tersebut telah tersebar kepada masyarakat yang kini menjadi penyumbang kandungan media sama ada melalui blog, media sosial atau kumpulan media yang bersifat lebih peribadi seperti Whatsapp.

Oleh itu, satu mekanisme baharu perlu diwujudkan supaya media tidak menjadi satu medium yang boleh membawa tragedi kepada masyarakat. Memandangkan institusi media kini lebih bersifat individu, langkah pertama yang perlu dibuat ialah dengan memperkasakan individu itu sendiri supaya mereka mampu menjadi penentu agenda yang bertanggungjawab. Mereka perlulah diberikan pendedahan tentang kuasa yang dimiliki media dan bagaimana mereka perlu menggunakan kuasa tersebut untuk kebaikan bersama. Mereka juga perlu diingatkan agar lebih bertanggungjawab terhadap apa yang mereka siarkan kepada umum.

Selain itu, langkah mengambil alih semula kuasa kawalan terhadap media juga perlu diperluaskan kepada masyarakat. Masyarakat perlu dididik untuk lebih bijak dalam menggunakan media baharu. Mereka perlu memilih berita atau maklumat yang mereka mahukan daripada media. Hal ini kerana masyarakat kini mempunyai kuasa untuk mempengaruhi kandungan media melalui cara penggunaan media mereka. Oleh itu adalah wajar jika strategi diatur bagi mendidik masyarakat agar mereka mampu menggunakan kuasa tersebut untuk mengawal media baharu yang ternyata telah bebas dari kawalan tradisional seperti yang dicadangkan oleh Teori Penetapan Agenda.

Rujukan

- Adibah, I., Mohd Khairie, A. and Che Su, M. (2017) Interpretation of press freedom as a value guiding the practice of investigative journalism in Malaysia: The practitioners' perspectives dalam *Democratisation of media: Issues and Realities*, Unimas: Sarawak.
- Annany, M. (2018) *Networked press freedom: Creating infrastructures for the public right to hear*. Cambridge: The MIT Press.

- Balaraman, R. A., Ibrahim, F., Arokiasamy, L., & Mukhiar, S. N. S. (2016). Kewartawanan Warga di Malaysia: Satu Kajian dari Sudut Pandangan Wartawan Warga. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(2).
- Balmas, M., & Sheaffer, T. (2010). Candidate Image in Election Campaigns: Attribute Agenda Setting, Affective Priming, and Voting Intentions. *International Journal of Public Opinion Research* 22 (2): 204–229. doi: 10.1093/ijpor/edq009
- Barnard-Wills, D., & Ashenden, D. (2012). Securing virtual space: Cyber war, cyber terror, and risk. *Space and Culture*, 15(2), 110–123. doi: 10.1177/1206331211430016.
- Beh Lih Yi (July, 2015) Sarawak Report whistleblowing website blocked by Malaysia after PM allegations. *The Guardian*. Diakses dari <https://www.theguardian.com/world/2015/jul/20/sarawak-report-whistleblowing-website-blocked-by-malaysia-over-pm-allegations> pada 28 Julai 2020.
- Bennett, W.L, Lawrence, R.G. & Livingstone S. (2007). *When the press fails. Political power and the news media from Iraq to Katrina*. Chicago, IL: University of Chicago Press.
- Best, J. W., & Khan, J.V. (2003) *Research in Education* (9th Edition), New Dehli: Prentice Hall of India Private Limited.
- Burgess, J. (2010) *Evaluating the evaluators: Media freedom indexes and what they measure*. Washington: National endowment for democracy.
- Chomsky, N. (2002). *Media control: The spectacular achievements of propaganda* (Vol. 7). Seven Stories Press.
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* 2nd Edition, Thousand Oaks, CA: Sage.
- Daud, M. (2016). *A Legal Analysis of Digital Expression and Online Content Regulation in Malaysia*. International Islamic University Malaysia.
- Entman, R. (2010). Media framing biases and political power: Explaining slant in news of campaign 2008. *Journalism*, 11(4), pp. 389-408.
- Faruqi, S. S., & Ramanathan, S. (1998). *Mass media laws and regulations in Malaysia*. Singapore: Asian Media Information and Communication Centre (AMIC).
- Federal Constitution (2010). *Federal Constitution as of 1 November 2010*. The commissioner of law revision, Malaysia. Diakses dari [http://www.agc.gov.my/images/Personalisation/Buss/pdf/Federal%20Consti%20\(BI%20text\).pdf](http://www.agc.gov.my/images/Personalisation/Buss/pdf/Federal%20Consti%20(BI%20text).pdf) pada 10 September 2015.
- Graber, D. A. (2015) Freedom of the press: Theories and realities in Kenski K. and Jamieson, K. H. *The Oxford handbook of political communication*. DOI: 10.1093/oxfordhb/9780199793471.013.80
- Hasan, A. S. (2019). Pendemokrasian Media dan Cabaran Keselamatan dalam Era Digital. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(1).
- Hedman, U., & Djerf-Pierre, M. (2013). The social journalist: Embracing the social media life or creating a new digital divide?. *Digital Journalism*, 1(3), 368-385.
- Hermida, A. (2012). Social journalism: Exploring how social media is shaping journalism, in Siapera, E. and Veglis, A. *The Handbook of Global Online Journalism*, First Edition, West Sussex: John Wiley & Sons, Inc.
- Hoong, T. K. (2014). Budget 2014: High-speed broadband enters Phase 2. *The Star Online*. Diakses dari <http://www.thestar.com.my/Tech/Tech-News/2013/10/25/Budget-2014-High-speed-broadband-enters-Phase-2/> pada 28 Julai 2020.
- Howard, P. N., & Hussain, M. M. (2013). *Democracy's fourth wave? Digital media and the Arab spring*. Oxford: Oxford University Press.

- Kalaisilven, S., & Sukimi, F. (2019). Kawalan Ibu Bapa terhadap Anak-Anak dalam Penggunaan Media Sosial (Parental Control Over Children in the Use of Social Media). *Akademika*, 89(1).
- Kemp, S. (2020). Digital 2020: Global digital overview. Diakses dari <https://datareportal.com/reports/digital-2020-global-digital-overview> pada 28 Julai 2020.
- Klimberg, A. (ed.) (2012). *National cybersecurity framework manual*. Tallinn, Estonia: NATO CCD COE Publication.
- Lee, C. S., & Ma, L. (2012). News sharing in social media: The effect of gratifications and prior experience. *Computers in human behavior*, 28(2), 331-339.
- Lee, Y. C. (2014). Berita televisyen dan kebebasan media di Malaysia: Suatu kajian terhadap berita televisyen Bahasa Inggeris TV2 dan NTV7. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 30(2).
- Lewis, C.S. (2012). The tension between professional control and open participation. *Information, Communication & Society*, 15:6, 836-866, DOI: 10.1080/1369118X.2012.674150
- Loh, Francis (2002), Developmentalism and the Limits of Democratic Discourse, in: Loh, Francis Kok-Wah and Khoo, Boo Teik (eds), *Democracy in Malaysia: Discourses and Practices*, Richmond: Curzon
- Mahmud, W. A. W., & Pitchan, M. A. (2017). Media baharu dan institusi raja di Malaysia: Kes penghinaan raja-raja di media sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(1).
- McCombs, M., & D. L. Shaw (1972). The agenda-setting functions of the mass media. *Public Opinion Quarterly*, 36, pp. 176-87.
- McCombs, M., Llamas, J. P., Lopez-Escobar, E., Rey, F. (1998) Candidate images in Spanish elections: Second-level agenda-setting effects. *Journalism and Mass Communications Quarterly*, 74 (4), pp. 703-717.
- McCombs, M., & Valenzuela, S. (2007). The Agenda-Setting Theory. *Cuadernos.Info*, 20, 44-51. <https://doi.org/10.7764/cdi.20.111>
- Mustapha Kamal, A. (2005). Journalism, National Development and Social Justice in Malaysia, *Asia Pacific media educator*, 16, pp. 63-70.
- Newmeyer, K. P. (2015). Elements of national cyber security strategy for developing nations. *National Cyber Security Institute Journal*. 1(3): 9-19.
- Newton, L. H., Hodges, L., & Keith, S. (2004). Accountability in the professions: Accountability in journalism. *Journal of Mass Media Ethics*, 19(3-4), 166-190.
- Ramos, C. T. (2019). Chapter 2 From the Freedom of the Press to the Freedom of the Internet: A New Public Sphere in the Making? *Politics and Technology in the Post-Truth Era*, 9-22. <https://doi.org/10.1108/978-1-78756-983-620191002>
- Reese, S. D. and Ballinger, J. (2001). Roots of a Sociology of News: Remembering Mr. Gates and Social Control in the Newsroom. *Journalism & Mass Communication Quarterly*, 78(4):641-658.
- Riffle, D., Lacy S., & Drage, M.W. (1996). Sample size in content analysis of weekly news magazines. *Journalism & Mass Communication Quarterly*, 73(3), 635-644.
- Ryan, G. W., & Bernard, H.R. (2000). Data management and analysis methods. In N.K. Denzin & Y.S. Lincoln (Eds), *Handbook of Qualitative* (2nd ed., pp. 769-802). Thousand Oaks, CA: Sage Thu
- Sa'adiah Ma'alip. (2015). Pemilihan bahasa dalam komunikasi di laman sosial. *Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 231-246.

- Schmidt, M. (2007) New media: Expanding press freedom – International commitments guarantee media freedom in James B. (2007) *New media: The press freedom dimension*. UNESCO: Paris pp: 6-8.
- Schwab, K. (2017). The fourth industrial revolution. New York: Crown Business. Diakses dari <https://www.weforum.org/about/the-fourth-industrial-revolution-by-klaus-schwab> pada 28 Julai 2020.
- Sedu, N., (2009). *An analysis of Islamic conceptualisations of press freedom in Malaysia*, Unpublished PhD dissertation. University of Queensland, Brisbane, Australia
- Shoemaker, P. J. (1991). *Gatekeeping*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Siebert, F. S., Peterson, T. B., & Schramm, W. (1963). *Four theories of the press: The authoritarian, libertarian, social responsibility, and soviet communist concepts of what the press should be and do*. Urbana: University of Illinois Press.
- Sparrow, B. H. (1999). *Uncertain guardians; The news media as a political institution*. Baltimore, MD: Johns Hopkins University Press.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), (2020) Internet users survey 2018 [https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/Internet-Users-Survey-2018-\(Infographic\).pdf](https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/Internet-Users-Survey-2018-(Infographic).pdf). Diakses pada 28 Jun 2020
- Sussman, E. (2014) The New Rules of Social Journalism: A Proposal. Diakses dari <https://pando.com/2014/03/29/the-new-rules-of-social-journalism-a-proposal/> pada 28 Julai 2020.
- Talib, K. A., Shiratuddin, N., Hassan, S., Rahman, Z. S. A., & Rahman, N. L. A. (2018). Belia dan sosialisasi: Tingkahlaku relatif dan perspektif terhadap media baru. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(3).
- Tandoc Jr, E. C., & Vos, T. P. (2016). The journalist is marketing the news: Social media in the gatekeeping process. *Journalism practice*, 10(8), 950-966.
- Thelwall, M. (2008). No place for news in social network web sites?. *Online information review*.
- Van Dalen, A. (2012). Structural bias in cross-national perspective: How political systems and journalism cultures influence government dominance in the news. *The International Journal of Press/Politics*, 17(32), pp. 32-55.
- Wan Amizah Binti Wan Mahmud. (2008). *Perkembangan dan pembangunan sistem dan dasar Penapisan filem di Malaysia*. Tesis PhD. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Bangi. UKM.
- Weimann, G., & Brosius, H.-B. (2017). Redirecting the agenda. *The Agenda Setting Journal* *The Agenda Setting Journal. Theory, Practice, Critique*, 1(1), 63–101. <https://doi.org/10.1075/asj.1.1.06wei>
- Yatim, R. (1995). *Freedom under executive power in Malaysia: A study of executive supremacy*. Kuala Lumpur: Endowment Publications.